BERITA HARIAN
KHAMIS, 18 FEBRUARI 2016

BILANGAN 2/2

ram ini latihan dimulakan dengan latihan pengendalian kren menara, crawler serta kren mudah alih.

Pelatih dipilih khas oleh MMC-Gamuda untuk dilatih semula mengikut kerja dan spesifikasi tapak. Mereka juga akan menduduki peperiksaan pensijilan di akhir sesi latihan, diikuti latihan praktikal dipelbagai tapak kerja MMC-Gamuda.

Ia kemudian dilanjutkan kepada latihan pekerja mahir penerowongan (tunnelling) yang termasuk juruteknik, juruelektrik dan mekanik. Format *on-the-job-training* atau 'belajar sambil bekerja' diketengahkan di mana bahagian teori dipelajari di bilik darjah diikuti dengan latihan di tapak kerja. Ini memudahkan lagi peluang mendapat kerja tanpa sesi suai kenal di tapak kerja apabila tamat pengajian kelak.

Amir menjelaskan bahawa pelatih akan berlatih secara praktikal di terowong dan kawasan kerja bawah tanah MMC-Gamuda dalam tiga sesi selama 12 bulan keseluruhannya. Bahagian teori pula akan diajar di kolej masing-masing.

"Paling penting, MMC-Gamuda menyediakan elaun dan penginapan bagi setiap pelatih. Program ini amat menarik bagi para belia dan fakta ini dibuktikan dengan kadar keciciran program yang hampir sifar," katanya lagi.

Satu lagi ruang untuk TVET terus berkembang adalah melalui program yang ditawarkan oleh Institut Kemahiran Bina Negara (IKBN) di bawah naungan Kementerian Belia dan Sukan.

Kedua-dua program TVET yang dikelolakan oleh IKBN dan Kolej Komuniti ini mempunyai objektif yang sama, iaitu untuk menawarkan program TVET sebagai alternatif kepada kursus-kursus akademik. Perbezaan di antara kedua-dua program ini adalah hanya ia ditubuhkan di bawah kementerian yang berbeza untuk jangkauan yang lebih menyeluruh.

Wujudkan pasaran kerja untuk graduan TVET

Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia yang mengawasi IKBN, Zainuddin Yahaya, menyatakan bahawa konsep TVET yang ditawarkan ini wujud sejak tahun 1964 lagi. Sejak itu, program telah melalui perubahan dari segi falsafah serta modus operandi untuk memenuhi keperluan semasa.

Setakat ini, terdapat kira-kira 20 pusat latihan IKBN di seluruh negara yang menawarkan sijil, diploma dan diploma lanjutan kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Beliau berkata, kursus tawaran IKBN ini dimodelkan untuk mencerminkan 30% teori dan 70% latihan praktikal di mana bab teori itu kebanyakannya meliputi latihan on-the-job (amali) dengan rakan-rakan industri.

Zainuddin menekankan bahawa pembelajaran sekarang dibangunkan dengan kerjasama industri supaya graduan mempunyai pekerjaan yang sedia ada setelah tamat kursus, berbeza dengan cara pembelajaran dahulu.

"Sebelum ini kita melatih belia dalam pelbagai bidang. Bagaimanapun, apabila berada dalam pasaran kerja, pihak industri terpaksa melatih semula graduan ini kerana apa yang dipelajari tidak menepati keperluan industri.

"Akan tetapi, dengan kaedah pembelajaran TVET yang baru ini, masalah tersebut tidak berulang lagi," katanya.

Zainuddin juga bercakap tentang bagaimana kerjasama industri bersama MMC-Gamuda dapat mewujudkan pasaran kerja yang sedia ada untuk graduan TVET nanti.

Menurut beliau, MMC-Gamuda mengadakan kajian terperinci untuk mengenalpasti keperluan tenaga kerja di dalam sektor pembinaan terowong dan kerja bawah tanah, sebelum senarai keperluan latihan dilakarkan.

"Terdapat keperluan untuk pekerja mahir bagi mengendalikan mesin pengerudi terowong dan kami telah membangunkan sebuah modul latihan khas untuknya dengan usahasama MMC-Gamuda.

"Hasilnya, kesemua graduan IKBN telah mendapat kerja di pelbagai terowong dan tapak kerja bawah tanah MMC-Gamuda," katanya.

Daripada aspek yang lebih kritikal, Zainuddin berkata, program latihan serta jurulatih IKBN yang sedia ada didapati ketinggalan dari segi teknologi terkini.

Oleh itu, usaha sama dengan gergasi tempatan seperti MMC-Gamuda, membolehkan IKBN meningkatkan mutu latihan serta pengetahuan jurulatih mereka dengan menerapkan teknologi inovatif industri ke dalam program mereka.

Sebagai contoh, mengendalikan peralatan Survey atau kemudahan kajian, diketengahkan di dalam sesi latihan IKBN kerana Malaysia masih kekurangan pakar di dalam teknologi yang kritikal ini. Juruteknik diperlukan untuk belajar dan menguruskan peralatan kajian moden itu dan kepakaran MMC-Gamuda inilah yang banyak memanfaatkan pelajar serta pelatih IKBN.

Program TVET lahirkan pekerja mahir terowong

Timbalan Pengarah Projek MMC-Gamuda, Datuk Ubull Din Om, berkata sejajar dengan misi negara untuk meningkatkan tahap TVET, beberapa kemudahan latihan dan kemahiran industri ditubuhkan termasuk sebuah Akademi Latihan Terowong dan Rancangan Membaikpulih TBM.

"Oleh kerana terdapatnya projek besar yang dikelolakan oleh MMC-Gamuda di dalam negara, keperluan untuk melatih penduduk tempatan sebagai pelapis pekerja diterapkan ke dalam program pembangunan bakat MMC-Gamuda. Pengambilan pelatih dilakukan dengan kerjasama pelbagai organisasi kerajaan dan agensi seperti IKBN dan Kolej Komuniti," kata Ubull.

Akademi Latihan Terowong yang ditubuhkan di bawah MMC-Gamuda menjana kemasukan pelatih TVET yang tertinggi. Ditubuhkan pada tahun 2011, pusat latihan itu bertujuan melahirkan pekerja mahir terowong, di mana ia adalah sektor modal insan yang masih belum dibangunkan di negara ini pada masa itu.

Empat tahun berlalu, hari ini kemudahan itu menghasilkan kira-kira 500 pekerja mahir dan separa mahir dalam pelbagai bidang pembinaan terowong dan kerja-kerja bawah tanah.

Oleh kerana itu, Malaysia kini mempunyai kumpulan pekerja muda dan mahir yang mempunyai kepakaran khas yang juga diperlukan di peringkat global, menjadikan mereka bernilai tinggi di pasaran kerja.

Kesimpulannya, Ubull berkata: "Kami begitu komited untuk membawa program TVET ini ke tahap yang lebih tinggi kerana kami percaya bahawa TVET dapat mengetengahkan aspirasi negara bukan hanya dalam pembangunan kemahiran belia Malaysia, tetapi juga dalam meningkatkan nilai mereka secara holistik, dari segi kepakaran, daya saing dan keupayaan menjana pendapatan yang lumayan.

"Justeru itu, MMC-Gamuda gembira dapat memainkan peranan untuk menjayakan program ini dan akan tetap menyokong kerajaan dalam usaha murni itu."

"Kerjasama industri bersama MMC-Gamuda dapat mewujudkan pasaran kerja yang sedia ada untuk graduan TVET, *khususnya di dalam bidang kerja penerowongan (tunnelling)"*

Zainuddin Yahaya,
Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia

"MMC-Gamuda komited untuk membawa program TVET ke satu tahap yang lebih tinggi *dan kami gembira dapat memain peranan penting dalam menjayakan usaha murni Kerajaan ini"*

Ubull Din Om,
Timbalan Pengarah Projek MMC-Gamuda